



ANWAR Ibrahim (tengah) bersama pengurusan Westports Holdings Berhad dan beberapa menteri Kabinet menyempurnakan majlis pecah tanah projek pembinaan Westports 2 di Pulau Barat, Pelabuhan Klang, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Saya ketua persatuan pekerja Malaysia - Anwar

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
utusannews@mediamulia.com.my

KLANG: Pihak swasta diingatkan tidak meminggirkan kebajikan pekerja termasuk memastikan kenaikan gaji mereka seiring peningkatan perolehan syarikat melalui produktiviti dicatat pada setiap tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kejayaan sesebuah syarikat bukanlah didukung oleh penguasaan semata-mata sebaliknya dilakukan secara bersama oleh pekerja selari dengan peningkatan produktiviti.

Menurutnya, mengambil contoh Pelabuhan Barat (Westport) di Pelabuhan Klang

yang mencapai kejayaan melalui peningkatan produktiviti dalam tempoh 30 tahun turut disumbang oleh pekerja pelbagai peringkat.

“Kalau ekonomi baik, pelabuhan lebih cekap dan keupayaan meningkat, keuntungan lebih tinggi, saya kata kadar upah pun harus ditingkatkan. Kerana kita ada produktiviti, kalau meningkat, upah setakat itu, naiklah sikit. Jadi, naik itu harus tetapi ikut keupayaan dan kadar supaya tidak membebankan syarikat.

“Pelabuhan tidak akan jadi tanpa tenaga setiap orang, kerja yang baik kerana Allah dapat rezeki yang baik dan kalau betul rezeki kita meningkat,

percayalah saya akan gesa semua syarikat yang catat keuntungan besar mesti jaga nasib pekerja mereka.

“Saya bukan sahaja Perdana Menteri, tetapi ketua persatuan pekerja Malaysia,” katanya ketika berucap dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Komuniti Westports dan Pelabuhan Klang, semalam.

Tambahnya, secara relatif pekerja perlu diberi layanan yang baik kerana kenaikan gaji adalah penting jika memikirkan tanggungan golongan itu, kemudahan kesihatan dan perumahan.

Justeru, gesa Anwar, syarikat yang berjaya mesti mengembalikannya keuntungan kepada

pekerja selaras dengan konsep madani yang menetengahkan konsep ihsan dan sedar maju sebagai sebuah keluarga besar.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan akan menumpukan kepada masalah kenaikan harga barang dan mengurangkan beban rakyat dalam mendepani masalah tersebut pada pembentangan Belanjawan 2025, 18 Oktober ini.

“Kita lihat yang positif. Apa dia masalah, masalah kita adalah kos harga barang. Naik betul, ada masalah betul, sebab itu saya kata Belanjawan Madani bulan Oktober saya akan cuba kurangkan beban rakyat,” ujarnya.